

TEKS UCAPAN
YBHG. PUAN FADILAH BAHARIN,
KETUA PENGARAH STANDARDS MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
PEMBANGUNAN SKIM PENSIJILAN KEMBARA PELANCONGAN
PADA 27 MEI 2014 BERTEMPAT DI KEM BELIA PUEH SARAWAK

Bismillahirrahmanirrahim..

TERIMA KASIH, SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BHG. EN. GRANDA AING,

PENASIHAT KHAS KONGRES KEBANGSAAN DAYAK, SELAKU NAIB
PENGERUSI MYLEAF,

Y.BHG. EN AZMI NASHRIBY BIN ABU ZAHAR,

SETIAUSAHA AGUNG MYLEAF

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA PELAJAR YANG DIKASIHI
SEKALIAN.

Assalamualaikum Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinan-Nya jua dapat kita berhimpun pada hari ini, sempena ***MyLEAF-DNC Gawai Adventure Camp*** anjuran bersama oleh **Kongres Kebangsaan Dayak** dan **Persatuan Kembara & Persahabatan Alam Tropika Malaysia (MyLEAF)** di Kem Belia Pueh, Sematan, Sarawak. Pada kesempatan ini saya juga

ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MyLeaf kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini.

2. Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para peserta sekalian, Jabatan Standard Malaysia merupakan rakan pintar kepada MyLeaf. Maka kami sentiasa menyokong segala usaha yang dilakukan oleh pihak MyLEAF dalam melaksanakan program-program yang berteraskan dan bersifat alam semula jadi bagi lebih mengenali dan mencintai, malah menghargai alam sekitar di sekeliling kita ini, dan sudah semestinya Bumi Kenyalang yang diduduki ini amat sesuai dengan khazanah-khazanah flora dan fauna untuk diterokai. Ia juga merupakan sebahagian daripada Program Rakan Pintar Jabatan Standard Malaysia bagi menggalakan lagi aktiviti-aktiviti lasak & rekreasi di kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia.
3. Sebagaimana yang Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, Objektif program ini adalah untuk mempromosi aktiviti pengembaraan dan perkhemahan untuk memperkasakan sahsiah, kepimpinan serta semangat setiakawan di kalangan golongan generasi muda terutama di Sarawak.
4. Para hadirin sekalian, Pelancongan Kembara/*Adventure Tourism* merupakan salah satu **sumber pendapatan ekonomi negara** kita, yang kaya dengan Hutan Hujan Tropika dan ianya akan berkembang pesat sekiranya ia **mematuhi standard antarabangsa**, seperti

standard yang dibangunkan oleh ***International Organization for Standardization (ISO)***, iaitu standard bagi ***Adventure tourism - (1) leader-personnel competence; (2) information for participants and (3) safety management systems-requirement***, di mana Jabatan Standard Malaysia turut terlibat secara aktif dalam pembangunan standard berkenaan. Di samping itu, Jabatan Standard Malaysia juga terlibat secara langsung dalam **Strategic Reform Initiatives (SRI), Program Transformasi Ekonomi (ETP)** untuk mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing, di mana **bidang pelancongan** merupakan salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam ETP.

5. Maka, bertepatanlah dengan program pada hari ini, iaitu *MyLEAF-DNC Gawai Adventure Camp* di samping pemilihan Kem Pueh sebagai Model Kem melalui Skim Pensijilan Kembara Pelancongan yang sedang dibangunkan oleh pihak MyLEAF, yang bakal mendapat akreditasi Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Pensijilan Personnel / *MS ISO/IEC 17024 Personnel Certification System (PERSONNEL)*. Ia secara tidak langsung akan memberikan keyakinan terutamanya kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke kem untuk mengikuti pelbagai aktiviti di sini. Melalui program pensijilan ini Kem Belia Pueh akan mematuhi ciri-ciri Standard ISO sebagai pengurusan kem yang bertaraf antarabangsa bagi menarik pelancong asing untuk turut serta dalam menjayakan hasrat ini. Ia juga secara tidak langsung akan membuka peluang dalam sektor pelancongan negara kita untuk menarik minat pencinta

alam sekitar dari dalam dan luar negara dan sekaligus membantu meningkatkan dana ekonomi negara.

6. Usaha murni sebegini bukan sahaja dapat membantu peningkatan dalam sektor pelancongan dan ekonomi negara malah membantu dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hub Eko Pelancongan terbaik di dunia, dan sudah semestinya hasrat murni ini akan lebih mudah dicapai dengan bantuan dari pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan negeri dan swasta.

7. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah & syabas kepada MyLeaf & Dayak National Congres di atas inisiatif untuk memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia terutama golongan belia terhadap program sebegini. Kami di Jabatan Standard Malaysia sentiasa menyokong penuh usaha-usaha seperti ini. Semoga Program Pembangunan Skim Pensijilan Kembara Pelancongan ini dapat diperluaskan ke kem-kem rekreasi lain bagi meningkatkan lagi keyakinan masyarakat untuk terlibat dengan aktiviti lasak dan rekreasi di negara kita ini sekaligus akan memberikan kesedaran tentang betapa pentingnya Pensijilan berkenaan *Adventure Tourism* ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim,

Saya merasmikan Program *MyLEAF - DNC Gawai Adventure Camp* pada hari ini. Semoga ianya memberi manfaat kepada kita bersama. InsyaAllah. Sekian, terima kasih.